



## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

#### PRODUKTIVITI BURUH SUKU KEDUA 2022 LEBIH KUKUH DENGAN PENINGKATAN SEBANYAK 5.5 PERATUS

1. **Produktiviti Buruh di Malaysia bagi suku tahun kedua 2022 meningkat sebanyak 5.5 peratus** (ST1 2022: 2.7 peratus) dengan mencatatkan RM23,322 bagi setiap pekerja. Pertumbuhan produktiviti buruh setiap pekerja bagi suku kedua ini lebih tinggi berbanding pencapaian keseluruhan tahun 2021 sebanyak 1.8 peratus. Produktiviti berdasarkan jam bekerja pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.3 peratus dengan RM41.0 setiap jam bekerja.
2. Pertumbuhan produktiviti buruh ini selaras dengan peningkatan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) yang berkembang sebanyak 8.9 peratus (ST1 2022: 5.0 peratus). Pencapaian ini berikutan langkah pemansuhan semua sekatan yang dikenakan semasa pandemik dan pembukaan semula sempadan negara serta peralihan ke fasa endemik bermula 1 April 2022.
3. Peningkatan produktiviti buruh dipacu oleh produktiviti dalam sektor perkhidmatan yang meningkat sebanyak 7.5 peratus, sektor pembuatan sebanyak 4.0 peratus dan sektor pembinaan sebanyak 2.9 peratus. Walau bagaimanapun, produktiviti buruh bagi sektor perlombongan & pengkuarian dan pertanian mencatatkan pertumbuhan negatif disebabkan oleh penguncupan pertumbuhan bagi kedua-dua sektor ini.

4. Bagi produktiviti buruh setiap jam bekerja pula, sektor perkhidmatan mencatatkan peningkatan sebanyak 4.0 peratus (ST1 2022: 1.2 peratus). Namun empat sektor utama iaitu pembinaan dan perlombongan & pengkuarian, pertanian dan pembuatan mencatatkan penurunan.
5. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), kadar pertumbuhan produktiviti disasarkan sebanyak 3.6 peratus setahun. Dasar dan strategi yang dilaksanakan di bawah RMKe-12 dijangka mampu meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh.
6. Antara strategi yang dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti termasuk mewujudkan Nexus Produktiviti bagi merangka dan meneraju pelan tindakan di peringkat perusahaan. Sembilan Nexus Produktiviti yang diterajui oleh jaguh industri (*industry champion*) telah diwujudkan bagi subsektor agromakanan, kimia dan produk kimia, jentera dan peralatan, elektrik dan elektronik, peruncitan dan makanan & minuman, pelancongan, digital, perkhidmatan profesional dan penjagaan kesihatan swasta. Pada tahun ini, dua lagi Nexus Produktiviti akan diwujudkan iaitu bagi sektor pembinaan dan perkhidmatan logistik.
7. Selain itu, bagi menambah baik pelaksanaan program peningkatan produktiviti, pemantauan di peringkat sektor dan perusahaan juga dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Penekanan juga diberikan untuk memperkukuh ekosistem yang menyokong perniagaan dan menggalakkan penerimgunaan teknologi baharu dan pendigitalan dalam perusahaan, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Peningkatan penggunaan teknologi akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah dan seterusnya mendorong kepada peningkatan produktiviti.

8. Untuk meningkatkan produktiviti, pekerja digalakkan untuk meningkatkan kemahiran dengan mengikuti program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang disediakan. Dalam Bajet 2022, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan untuk program latihan dan peningkatan kemahiran dengan sasaran seramai 220 ribu pelatih.
9. Selain itu, pelaksanaan kenaikan gaji minimum kepada RM1,500 sebulan mulai 1 Mei 2022 dijangka turut dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan pasaran buruh. Pelaksanaan inisiatif ini telah direalisasikan oleh Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.
10. Berdasarkan pencapaian bagi separuh pertama tahun ini sebanyak 4.1 peratus, pertumbuhan produktiviti buruh bagi keseluruhan tahun 2022 dijangka melepasi sasaran RMKe-12 sebanyak 3.6%.

**#KeluargaMalaysia**  
**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**

**18 OGOS 2022**